

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

# Dakwaan GEG jejas B40 dilihat tidak masuk akal

**KKM mahu lindungi golongan miskin daripada jadi sasaran syarikat tembakau**

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Pengenalan Dasar Generasi Penamat (GEG) dan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 bertujuan melindungi golongan B40 negara daripada terus 'ditekan' syarikat tembakau.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata kebanyakan penduduk negara ini yang mengalami komplikasi akibat tabiat merokok seperti sakit jantung, barah atau penyakit paru-paru adalah golongan B40.

Justeru, katanya, dakwaan kononnya GEG akan menjejaskan golongan B40 dilihat tidak masuk akal.

"Mereka kerap menjadi sasaran kumpulan pengguna oleh



Khairy ketika berucap melancarkan Portal KKMNOW di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

syarikat tembakau, maka Kementerian Kesihatan (KKM) nak melindungi kumpulan ini daripada 'pembunuh' ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan portal KKMNOW di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Khairy berkata, undang-und

dang baharu itu sudah melalui penelitian Jawatankuasa Pilihan Khas di Parlimen, sekali gus tidak timbul isu akan mempunyai kuasa penguatkuasaan terlalu besar.

## Ditaja syarikat tembakau

Katanya, jawatankuasa itu turut diwakili ahli daripada parti politik merangkumi Parti Amanah Negara (AMANAH), DAP, PKR,

Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) dan Parti Warisan (WARISAN).

Beliau menegaskan, isu kedua dibangkitkan ialah tindakan undang-undang dalam akta itu akan menjejaskan pesalah kanak-kanak.

"Ini mengelirukan rakyat. Kompaun kepada golongan bukan dewasa memang wujud dalam peraturan sedia ada dan ia adalah kesalahan dengan hukuman tidak perlu direkodkan," katanya.

Khairy turut mempersoalkan niat pihak yang menghantar memorandum ke Parlimen semalam bagi membantah GEG kerana dikatakan mempunyai kuasa penguatkuasaan besar, selain menjejaskan kanak-kanak.

Beliau berkata, pihak terbabit sepatutnya bebas daripada konflik berkepentingan berikutan mereka dikatakan mewakili organisasi ditaja syarikat tembakau.

"Saya difahamkan memorandum ini disampaikan oleh seseorang yang mewakili kumpulan atau organisasi yang katanya ditaja oleh syarikat tembakau.

"Kita kena bebaskan diri kita daripada konflik berkepentingan," katanya.

## RUU kawalan tembakau munasabah

**Kuala Lumpur:** Pakar kesihatan dan ahli akademik menyifatkan pindaan ke atas Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 munasabah dan sejajar dengan konsep kesihatan awam.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), Amrahi Buang, berkata pindaan RUU itu bukan sahaja dapat mengawal rokok konvensional, malah rokok elektronik juga dapat dikawal.

"Penggunaan rokok dan rokok elektronik semakin tular dalam kalangan masyarakat. Dengan adanya peruntukan berkaitan Generasi Penamat (GEG), golongan ini akan dilindungi daripada bahaya produk tembakau.

"Cuma sekiranya pembubaran Parlimen diumumkan, maka rakyat perlu menunggu RUU ini dibaca semula," katanya dalam kenyataan, semalam.

Amrahi berkata, RUU itu adalah kawalan yang mengkhususkan kepada penguatkuasaan mengawal rantaian bekalan produk berisiko di pasaran.

Pensyarah Kanan dan Pakar Berhenti Merokok, Kuliyyah Farmasi, Universiti Islam Antara-

bangsa Malaysia (UIAM), Prof Dr Mohamad Haniki Nik Mohamed, berkata pada awalnya beliau bimbang sekiranya akta itu dipisahkan di antara kawalan dan pelaksanaan GEG seperti didesak oleh sesetengah pihak.

"Kami bertegas kawalan yang terbaik adalah kawalan gabungan seperti RUU asal yang dibentangkan. Kita tahu ramai pihak mendesak agar konsep pengurangan kemudahan diterima, tetapi tiada bukti yang menunjukkan konsep ini berkesan.

## Langkah bertepatan

"Langkah kerajaan dalam mengawal penggunaan rokok elektronik amat bertepatan memandangkan peningkatan bilangan wanita muda dan remaja menggunakan rokok elektronik ketara," katanya.

Mohamad Haniki tidak bersetuju pada dasarnya dengan pindaan di Fasal 54 berkaitan pelaporan kerana mempunyai unsur untuk merealisasikan konsep pengurangan kemudahan, tetapi beliau yakin kajian akan menunjukkan penggunaan rokok elektronik mempunyai lebih ba-

**Dengan adanya peruntukan berkaitan Generasi Penamat (GEG), golongan ini akan dilindungi daripada bahaya produk tembakau**

Amrahi Buang,  
Presiden Persatuan  
Farmasi Malaysia



nyak keburukan.

Sementara itu, bekas Pensyarah Kanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Wee Lei Hum berkata pindaan itu munasabah kerana strukturnya masih sama tanpa pengurangan kemudahan.

"Pindaan itu tidak mempunyai perubahan membabitkan rokok elektronik sebagai rawatan terhadap ketagihan rokok dan pro-

duk bernikotin.

"Tiada kajian menunjukkan penggunaan rokok elektronik selamat digunakan sebagai pengganti rokok konvensional.

"Produk rokok alaf baharu seperti rokok elektronik wajar dikawal seperti rokok konvensional terutama kawalan terhadap penjualan, promosi dan pengiklanan bagi melindungi rakyat Malaysia," katanya.

Wei Hum berkata, pihak yang yakin dengan pengurangan kemudahan perlu mengemukakan bukti saintifik kajian keberkesanan dan kesan terhadap kesihatan penggunaan produk-produk ini kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPR).

Ogos lalu, Kementerian Kesihatan (KKM) bersetuju membuat empat pindaan ke atas RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022, termasuk mengurangkan kadar denda am terabit.

RUU itu bakal memperkenalkan inisiatif Generasi Penamat (GEG) melalui penguatkuasaan larangan merokok ke atas individu yang lahir pada 2007 dan seterusnya.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : LOKAL

Oleh Norzamira Che Noh  
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti kawasan Setapak, Kuala Lumpur, menjadi 'lubuk' bagi kegiatan doktor gigi palsu atau tidak bertauliah yang dilihat semakin meningkat dan aktif mempromosikan perkhidmatan mereka menerusi media sosial.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, KKM memandang serius perkara itu dan menerusi Akta Perugian 2018 yang dikuatkuasakan pada 1 Januari lalu, sebanyak 10 serbuan dilakukan KKM ke atas premis pergidian tidak bertauliah di seluruh negara setakat ini.

"Baru-baru ini, KKM melakukan serbuan di Setapak, Kuala Lumpur dan saya difahamkan Setapak ini

# Setapak 'lubuk' doktor gigi palsu!

## KKM serbu 10 premis tak bertauliah, buat promosi di media sosial

### TERASI BANTERAS DOKTOR GIGI HARAM

### 'Praktis 'ijazah' doktor' estetik sarja

serbu kesihatan garis amwar pelbagai khidmat per-

stis dikejut KKM mengaktif belajar teknik rawatan hant-

### 'Fakta 'sesat' kelirukan pelanggan

Insider estetik palsu serbu maklumat tanpa bukti semantik dan rash kesantunan

Perbuatan estetik tanpa bukti semantik dan rash kesantunan



### Fakta 'sesat' kelirukan pelanggan

Insider estetik palsu serbu maklumat tanpa bukti semantik dan rash kesantunan



"Saya beri jaminan, jika kita dapat sebarang laporan, serbuan akan segera dilaksanakan"  
Khairy

### edur tanpa tauliah undang risi

Gigi p-

LAPORAN Harian Metro mengenai kegiatan doktor gigi palsu atau tidak bertauliah

pak ini lubuk bagi doktor gigi palsu.

"Jika didapati bersalah, hukumannya besar iaitu denda maksimum RM300,000 dengan penjara sehingga enam tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan (mengikut Akta Perugian 2018), jadi tidak berbaloi," katanya selepas selepas melawat Klinik Perugian Bandar Botanik di sini, kelmarin.

Katanya, beliau berharap orang ramai tidak menggunakan perkhidmatan doktor gigi tidak bertauliah dan sekiranya mempunyai maklumat boleh dikemukakan kepada KKM untuk tindakan lanjut.

"Saya beri jaminan, jika kita dapat sebarang laporan, serbuan akan segera dilaksanakan," katanya.

Sementara itu, Khairy memaklumkan dua fasiliti kesihatan pergidian iaitu Klinik Pergidian Bandar Botanik dan Klinik Pergidian Kuala Lumpur kini dalam proses pelaksanaan Proof of Concept (POC) untuk Projek Rintis Penghasilan Gigi Palsu (Denture) menggunakan teknologi 3D.

Katanya, Projek Rintis Penghasilan Gigi Palsu menggunakan teknologi 3D itu adalah yang pertama seumpamanya dijalankan di peringkat KKM bagi memperkenalkan dan mendedahkan teknologi terkini pembuatan gigi palsu kepada anggota pergidian KKM seta mempercepatkan penghasilan dentur untuk keluarga Malaysia.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 2  
 RUANGAN : NEGARA



URUSAN pengebumian tetap berjalan seperti biasa jika si mati penderma organ. – GAMBAR HIASAN



CONTOH kad pengikrar penderma organ.

Punca ramai rakyat tak mahu derma organ bantu pesakit kronik terus hidup

# Kasihannya, sedih lihat mayat kena seksa

Oleh AZMI NORDIN

**PETALING JAYA** – Buah pinggang diambil, manakala hati, jantung atau paru-paru pula dikeluarkan daripada mayat individu yang berikrar untuk menderma organ selepas kematian mereka.

Kedadaan ini menyebabkan ramai yang tidak mahu menderma organ kepada pesakit kronik kerana tidak sanggup menyeksa mayat selain mendapat bantahan pihak keluarga.

Stigma masyarakat ini sangat kuat buat golongan mereka yang tinggal di kawasan pedalaman terutamanya di negeri Pantai Timur tanah air.

Pengurus Klinikal Pendermaan Organ Kebangsaan Kanan, Dr. Hasdy Haron berkata, pandangan yang skeptikal dalam kalangan masyarakat dilihat sebagai punca mengapa pendermaan organ di negara ini bergerak dengan amat perlahan sejak tahun 1997.

Menurutnya, sejak 25 tahun lalu, hanya 779 penderma organ sebenar selepas kematian, sedangkan yang menunggu ketika ini adalah 10,423 pesakit buah pinggang kronik yang memerlukan organ baharu.

"Cetek ilmu agama, tidak percaya kepada kata pakar dan tidak mahu mencederakan mayat merupakan alasan serta punca



Cetek ilmu agama, tidak percaya kepada kata pakar dan tidak mahu mencederakan mayat merupakan alasan serta punca mengapa orang tidak mahu menderma organ."

**DR. HASDY**

mengapa orang tidak mahu menderma organ," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Dr. Hasdy memberitahu, secara demografi dan jumlah penduduk di sesebuah negeri,



KERATAN *Kosmo!* 9 September 2022.

didapati masih kurang jumlah penderma organ dari Kelantan, Terengganu dan Pahang berbanding negeri-negeri lain.

Katanya, masih ada yang tetap pendirian bahawa menderma organ itu akan menyeksa mayat dan mereka yang bukan Islam pula risau tidak dapat menatap muka si mati di dalam keranda kerana anggota badan sudah tidak lengkap.

"Kesedaran yang kurang ini sedang 'diperangi' Pusat Sumbar Transplan Nasional (NTRC) dengan memberikan penerangan yang jelas buat golongan tua dan muda yang keliru tentang kebenaran menderma organ," ujarnya.

Beliau memberitahu, urusan pengebumian sebenarnya berjalan seperti biasa dan tidak dilam-

batkan jika si mati merupakan penderma organ.

Jelasnya, proses perolehan organ dan tisu diperoleh daripada tubuh penderma tidak akan sesekali menjejaskan adat pengebumian atau upacara hormat kepada jenazah.

"Umum juga perlu tahu sekiranya pengikrar bertukar fikiran tidak mahu menderma organ dan tisu, mereka boleh memberitahu waris dan memulangkan kad pengikrar kepada kami," katanya.

Statistik NTRC menunjukkan jumlah penderma organ di Pantai Timur adalah yang paling rendah berdasarkan bilangan penduduk, namun rekod pesakit kronik yang memerlukan organ pula tinggi.

Lima negeri Semenanjung terendah pengikrar derma organ mengikut negeri dari tahun 1997 hingga Ogos tahun ini adalah Perlis (3,235), diikuti Kelantan (14,020), Melaka (14,306), Terengganu (16,582) dan Pahang (18,582).

Lima negeri yang tertinggi pula adalah negeri Selangor dengan jumlah penderma organ seramai 96,406 orang, diikuti Johor (87,548), Perak (57,151), Wilayah Persekutuan (52,069) Pulau Pinang (50,521).

Bagaimanapun, Dr. Hasdy memberitahu, tahun ini dari Januari hingga Ogos lalu berlaku peningkatan penderma organ dalam kalangan orang Melayu se-

banyak lebih tiga kali ganda.

Menurutnya, itu adalah pencapaian terkini dan kesedaran sudah mula timbul dalam kalangan orang Melayu yang kini mudah menerima kempen yang diusahakan oleh NTRC.

"Dalam 30 orang yang menderma, 14 daripada mereka bangsa Melayu, 12 Cina dan 4 India. Selalunya Melayu merupakan jumlah penderma organ yang terendah dengan angka tiga atau empat orang sahaja setiap tahun sebelum ini.

"Tahun ini jumlah penderma orang Melayu Islam lebih daripada bangsa lain dan merupakan perubahan yang ketara. Tahun-tahun sebelum ini orang Islam adalah ketiga, yang pertama adalah Cina dan diikuti India," jelasnya.

Sebelum ini, *Kosmo!* melaporkan, pesakit buah pinggang kronik menjadi golongan yang paling ramai memerlukan organ baharu dengan jumlah 10,423 orang sehingga Julai lalu, diikuti 10 pesakit paru-paru, lapan pesakit jantung dan seorang bagi pesakit hati berserta jantung.

Mereka yang sedang menderita sakit terpaksa menunggu sehingga 10 tahun sebelum tiba giliran untuk mendapatkan rawatan pemindahan organ baharu ekoran hanya terdapat 779 penderma organ sebenar selepas kematian sejak 1997.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEGARA

## Bukan aniaya, tapi mahu lindungi B40 menjadi mangsa

**PUTRAJAYA** - Tujuan Rang Undang-undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 digubal adalah bagi melindungi rakyat negara ini terutama dalam kalangan B40 daripada terus menjadi mangsa syarikat tembakau.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, pihaknya mendapati golongan B40 paling ramai terkesan akibat penggunaan tembakau berbanding kelompok lain.

Katanya, majoriti rakyat yang mengalami komplikasi akibat rokok seperti sakit jantung, kanser dan penyakit paru-paru adalah daripada golongan itu.

"Golongan B40 menjadi kumpulan sasaran bagi syarikat tembakau. Adalah tidak masuk akal, kerajaan mahu menyusahkan mereka.

"Kerajaan sebenarnya mahu melindungi kumpulan ini daripada syarikat pembunuh ini," katanya pada sidang akhbar sempena Majlis Pelancaran Portal KKMNow Kementerian Kesihatan di sini semalam.

Khairy berkata, tuduhan mengatakan RUU ini akan menjenayahkan kanak-kanak adalah mengelirukan rakyat sedangkan kompaun kepada bukan orang dewasa memang wujud dalam peraturan sedia ada.

Katanya, RUU ini bukan untuk



**GOLONGAN B40 sering menjadi mangsa syarikat tembakau yang ingin mengaut keuntungan.** - GAMBAR HIASAN

mendaftarkan kanak-kanak sebagai penjenayah kerana ia adalah kes saman dan tidak masuk penjara.

"Sebagai contoh, jika seorang kanak-kanak ditahan kerana membeli rokok, dia hanya akan disaman RM50 dan tiada rekod. Dia tidak dibawa ke mahkamah pun," katanya.

Beliau berkata, semua parti politik bersetuju dengan pindaan itu.

"Bagaimanapun, saya difahamkan memorandum itu diserahkan oleh individu yang mewakili satu kumpulan atau organisasi yang difahamkan ada meklumat mengatakan ia ditaja syarikat tembakau," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : DALAM NEGERI

Oleh AHMAD  
FADHULLAH ADNAN  
utusannews@mediamulla.com.my

**KUALA LUMPUR:** Inisiatif mewujudkan Generasi Penamat (GEG) menerusi pelaksanaan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 mampu mengatasi lambakan jualan rokok seludup di pasaran.

Pakar Ekonomi Pertubuhan Wanita Malaysia untuk Kawalan Tembakau dan Kasihatan (MyWatch), Prof. Madya Dr. Norashidah Mohamed Nor berkata, kajian dilaksanakannya mendapati masalah penguatkuasaan menjadi faktor utama yang menyebabkan lambakan rokok tidak sah itu di negara ini.

Bagaimanapun, katanya, kawalan akta berkenaan perlu difahami dengan jelas sama ada ia dapat meningkatkan peningkatan kemasukan rokok seludup atau sebaliknya.

"Apabila kita halang mereka yang tergolong dalam kategori generasi penamat daripada produk tembakau, jadi mereka tiada kebiasaan menghisapnya dan tidak ada ketagihan, kenapa perlu mereka cari rokok tak sah?"

"Maka, generasi penamat yang memfokuskan kepada mereka yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya sudah tentu tidak akan memilih rokok seludup, jadi isu perokok yang beralih kepada rokok tidak sah cuma berlaku dalam kalangan mereka yang ketagih pada rokok," katanya.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaludin sebelum ini

# GEG mampu atasi lambakan rokok seludup di Malaysia



**INISIATIF** mewujudkan Generasi Penamat (GEG) menerusi pelaksanaan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 boleh mengatasi isu penyeludupan produk berasaskan tembakau- UTUSAN/ MOHAMMAD FIRDAUS AMRAN

membentangkan RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat bagi mengadakan peruntukan berkaitan pendaftaran produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau.

RUU berkenaan turut mengetengahkan larangan merokok apa-apa produk

tembakau atau pengganti tembakau serta larangan penggunaan peranti merokok, oleh mana-mana individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya yang disebut sebagai Generasi Penamat.

Namun, timbul perdebatan bahawa pelaksanaan GEG boleh meningkatkan kemasukan rokok-

rokok seludup.

Dr. Norashidah berkata, kerajaan perlu menaikkan cukai rokok dan produk tembakau lain dalam Bajet 2023, selepas kali terakhir dinaikkan ialah pada 2015 lalu.

Katanya, cukai rokok seharusnya dinaikkan setiap tahun dalam usaha membantu orang ramai berhenti mengambil produk

tembakau melalui kenaikan harga.

"Satu isu diutarakan industri tembakau adalah apabila cukai naik, maka kerajaan masih rugi apabila berlaku lambakan rokok tidak sah, tetapi dari 2015 sehingga sekarang pun masih ada lagi rokok seludup.

"Kajian menunjukkan sekiranya kita boleh menaikkan cukai rokok sehingga 20 peratus menjadikan harga rokok kira-kira RM21, kerajaan boleh dapat bilion ringgit hasil daripada rokok sebab kita tahu mereka yang ketagihan tegar masih membeli walaupun mahal.

"Di luar negara, kita dapat lihat kalau harga rokok itu mahal, maka lagi mudah perokok yang tidak tegar mau berhenti sebab memikirkan kos sara hidup yang tinggi ketika ini.

"Kita tahu rokok itu memberi kesan buruk kepada kesihatan, tetapi dalam jangka masa panjang, apabila cukai rokok dinaikkan, maka serta merta boleh nampak kesan pada kos sara hidup. Jadi orang tahu harga itu akan terus naik dan memang prevalens rokok itu boleh jatuh banyak sebab mereka akan fikir kalau tak berhenti pun harga rokok akan terus naik," katanya.

## Generasi Penamat tidak langgar hak asasi manusia

**KUALA LUMPUR:** Tindakan mewujudkan larangan supaya individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya daripada menggunakan produk tembakau atau disebut Generasi Penamat (GEG) tidak melanggar hak asasi dan kebebasan rakyat di negara ini.

Langkah itu juga diambil supaya Malaysia selari dengan peruntukan undang-undang antarabangsa di bawah Konvensyen Kerangka Kerja Kawalan Tembakau yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO FCTC) pada 2005.

Peguam Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM), Azlinda Baroni berkata, pelaksanaan Generasi Penamat tidak melanggar hak asasi rakyat kerana Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 disediakan Kementerian Kesihatan bersama badan perundangan negara iaitu Jabatan Peguam Negara.

Katanya, semua perkara

sudah tentu diteliti dengan mengadaptasikan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 yang terkandung dalam Akta Makanan 1983 supaya RUU kawalan tembakau ini dapat berdiri sendiri.

"Negara kita juga terlibat di peringkat antarabangsa dalam Konvensyen Hak Kanak-kanak yang mana Perkara 6 sudah ditetapkan bahawa setiap kanak-kanak ada hak untuk hidup dan negara mempunyai obligasi untuk memastikan perkembangan kanak-kanak tersebut.

"Jadi adakah rokok atau produk berasaskan nikotin itu adalah sesuatu yang perlu untuk hidup? Adakah ia wajib ada untuk hidup? Kalau tidak merokok, maka kesihatan boleh rosak," soal beliau.

Oleh itu katanya, adakah merokok dan mengambil produk tembakau merupakan keperluan hidup sedangkan realitinya ia menjejaskan kehidupan kerana boleh merosakkan kesihatan.

"Memberi kehidupan seperti diperuntukkan undang-undang itu ialah ialah mempunyai penjagaan kesihatan dan habit untuk hidup baik dengan sempurna selain kehidupan itu menjamin individu itu mendapat ilmu pengetahuan meningkatkan kehidupan, maka itu yang kerajaan kita sejak dulu terlibat untuk menjaga kehidupan dan kesihatan," katanya.

Lagi pula katanya, rokok dan vape difatwakan haram.

"Kenapa tidak katakan fatwa itu diskriminasi sebab halang sekumpulan orang untuk mengambil produk itu?"

"Kita sebagai orang Islam wajib menjaga harta, nyawa, tubuh badan dan keturunan.

"Jadi patut elakkan kita jatuh sakit dan menyusahkan hidup sebab sudah ada bukti-bukti nyata tentang kesan merokok apatah lagi produk Vape," katanya.

Pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Prof. Madya Dr. Khairil

Azmin Mokhtar pula berkata, tindakan kerajaan itu untuk memenuhi tanggungjawab di bawah peruntukan undang-undang antarabangsa.

Katanya, ini kerana negara sudah meratifikasi satu Konvensyen Kerangka kerja melalui Kawalan Tembakau pada tahun 2005 yang dilaksanakan WHO.

"Objektif konvensyen itu adalah untuk melindungi generasi sekarang dan akan datang daripada kesan buruk kesihatan, sosial, alam sekitar dan ekonomi akibat penggunaan dan pendedahan kepada tembakau.

"Apa yang kita buat sekarang adalah untuk melaksanakan tanggungjawab di bawah undang-undang antarabangsa," katanya.

Jelas Khairil, mana-mana pihak diingatkan untuk tidak memainkan sentimen bahawa pelaksanaan Generasi Penamat itu boleh menyebabkan semakin

ramai pesalah atau penjenayah terutamanya dalam kalangan B40.

Katanya, mereka yang didenda di bawah akta berkenaan tidak dilabel sebagai penjenayah sama seperti kesalahan trafik.

"Sebelum ini kita boleh lihat sudah ada denda di zon larangan merokok. Ada orang kena denda, tetapi mereka bukan penjenayah. Konsepnya sama. Kenapa tiba-tiba bila mahu buat RUU ini dimainkan pula sentimen penjenayah?"

"Kita sepatutnya pula fikir bahawa golongan B40 keadaan kewangan tidak sebaik golongan lain. Jadi wang yang dikeluarkan untuk membeli rokok atau produk tembakau itu adakah mempunyai manfaat atau tidak?"

"Kalau ikhlas mahu melindungi golongan B40, bantu elakkan wang mereka digunakan untuk pembaziran. Sebaliknya guna untuk perkara lebih bermanfaat," jelasnya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS

# Khairy: Tobacco law not criminalising children

**PUTRAJAYA:** Health Minister Khairy Jamaluddin has described as misleading a claim that the Control of Tobacco Products and Smoking Bill 2022, dubbed the Generational End Game was "criminalising children".

He said fines for minors who smoke are provided in existing regulations, adding that it cannot be registered as a criminal offence.

Khairy said there was no prison sentence for minors who smoke under existing regulations or for those who were born after 2007 in the new Bill.

"So, please don't mislead the people by alleging that children will be criminalised (under the Bill). That is not true.

"Children who are found buying

» RM50 fine for minors if caught buying cigarettes by authorities, no prison sentence provided in Bill on smoking

cigarettes by authorities will only be fined RM50," he said after launching the KKMNOW portal.

He was commenting on the submission of a memorandum by the Consumer Choice Centre in Parliament yesterday protesting the Bill, Bernama reported.

The memorandum described the Bill as containing strong enforcement powers, criminalising children and affecting the poor.

The Bill, which among other things, will prohibit the sale and

use of any form of smoking material - including electronic cigarettes - by individuals born on Jan 1, 2007 onwards, is intended to reduce smoking among Malaysians.

It was tabled by Khairy on July 27 for first reading, but was referred to the Parliamentary Special Select Committee to be refined.

Khairy said the Bill has been discussed by committee members comprising various politicians, adding that the amendments made

were to streamline enforcement to ensure it does not contain excessive powers.

Commenting on the KKMNOW portal, Khairy said it was a continuation or expansion of the CovidNow portal, which was in line with the digitalisation of health services and Health Ministry efforts to establish an integrated platform to share health data.

He added that KKMNOW features the display of data related to health programmes such as blood and organ donations, health screenings and infectious diseases data.

The portal was developed in collaboration with the Statistics Department and can be accessed at <https://data.moh.gov.my/>.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
 MUKA SURAT : 2  
 RUANGAN : NEWS/NATION

SELECT COMMITTEE REPORT

# PANEL SEEKS LIMITS ON TOBACCO BILL OFFENCES

Proposed law will criminalise smoking but not possession of smoking products

DHESEGAAN BALAKRISHNAN  
 KUALA LUMPUR  
 news@nst.com.my

**T**HE parliamentary select committee reviewing the tobacco generational endgame (GEG) bill wants the government to remove a clause allowing authorities to enter homes to enforce the law.

They also want lighter penalties for minors and criminalising only the consumption but not the possession of smoking products.

These are among the major changes to the bill that will outlaw smoking for those born after 2007. The bill will be retabled in the Dewan Rakyat today.

The committee, in a report released yesterday, also recommended the government to reduce fines from RM5,000 to RM500 for juvenile offenders and include community service as a punishment.

It also proposed that the government limit the scope of enforcement to manufacturing, packaging, storage, submission, distribution and sale of tobacco products.

"The committee also agrees and recommends that enforcement powers on premises should exclude residential areas.

"We also agree and suggest for Clause 17 of the Control of To-



A no-smoking sign at a restaurant in Penang. FILE PIC

bacco Products and Smoking Bill 2022 — that confers powers on enforcement officers to stop, search, seal vehicles as well as have access to information records and computerised data — to be excluded."

Under Clause 17, those born in and after 2007 will be barred from smoking and vaping, and from possessing these items.

However, the committee proposed that the government focus on restricting the consumption of smoking and vaping products and exclude the possession and ownership of these substances from the law.

"The committee takes into account the Attorney-General's Chambers' view that no criminal record will be registered for offences under this bill unless intended so.

"Therefore, there is no necessity to introduce a special provision to state the non-registrability of smoking offences under

Sub-Clause 17(1).

"The committee is also aware of the proposal to defer the enforcement of Clause 17 and will be enforced through education for three years after the bill is passed.

"The committee agrees that the focus should be on educational activities during the specified period, and this can be done administratively and need not be stated in the bill."

However, the committee dismissed the need to enact a separate act or regulations for non-combustible smoking alternatives and said they should be maintained under this bill.

It affirmed that the implementation of the GEG would not contradict the Constitution.

Health Minister Khairy Jamaluddin tabled the GEG bill for the first reading on July 27 but stopped short of putting it to a vote in the previous Dewan Rakyat sitting.

## Khairy: Underage smokers won't be charged

**PUTRAJAYA:** Health Minister Khairy Jamaluddin said underage smokers will not be charged in court or have a criminal record under the Control of Tobacco Products and Smoking Bill 2022.

"They would be issued a minimal fine and it will not be reflected in their record.

"I don't understand why some quarters are protesting against the bill," he said, adding that there were already regulations for tobacco-related offences for

young offenders.

He added that the claim that children caught smoking would be criminalised was not true.

Speaking after launching the KKMNOW portal yesterday, he said the B40 group would continue to be the most affected if the bill was not passed.

He said the ministry found that the B40 group was more prone to smoking, and this contributed to a higher number of patients suffering from tobacco-related health problems, including lung cancer

and heart disease.

Khairy said: "Smoking exposes people to higher health risks and, if you look carefully, patients who have health complications from smoking are mostly those from the hardcore poor, who are the target of tobacco companies.

"The government is only trying to save them and reduce the possibility of health complications by tabling the bill," he said.

He said the bill would not burden the people.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEWS



Health Minister Khairy Jamaluddin showing data available on the KKMNOW website that was launched yesterday. BERNAMA PIC

DEVELOPED FROM COVIDNOW

## KKMNOW portal offers public healthcare data

**PUTRAJAYA:** The Health Ministry's latest website, KKMNOW, was launched yesterday, making it the first ministry to open data to the public.

The portal, an expansion of the CovidNow portal, features data and updates on the country's healthcare system.

Health Minister Khairy Jamaluddin yesterday said CovidNow proved to be effective as the data the ministry shared daily had helped keep the public safe and updated in terms of the daily Covid-19 cases, deaths and vaccination statistics.

"This initiative is an expansion

of the CovidNow portal.

"It will provide updates on the public healthcare system, facilities and services provided by the ministry.

"In line with the ministry's data transparency policy and the mountain of data available, we have put together KKMNOW, which we hope will raise awareness and help Malaysians keep tabs on the public health facilities in the districts of each state," he said at the launch.

Khairy said the portal, a collaboration between the ministry and the Statistics Department, would help the public under-

stand the country's health situation.

Present at the launch was Chief Statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, Deputy Health Minister Datuk Seri Dr Azmi Ghazali and Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The portal has information on medicine stocks, blood availability, hospital bed usage, disease statistics and ambulance response time from MERS999.

Khairy said the ministry hoped to include data on road accidents from the police, floods and other agencies.

"You may ask why or how traffic accidents or floods are related to the ministry.

"As we know, accidents may have casualties and their treatment may need blood.

"Floods too are known to spread diseases, thus, it's relevant data for the ministry."

He said making data available to the public was not enough, as it had to be easy to understand and presented in an attractive way.

Khairy said KKMNOW would be the first government site making data available to the public for free, without breaching the personal privacy data policy.



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

# 'Vaping covered because no proof it reduces harm'

By **BENJAMIN LEE**  
benkh@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Not viewing vape products as a form of harm reduction in the proposed generational end game (GEG) law does not encroach on smokers' rights, say health groups and experts.

Former Universiti Kebangsaan Malaysia senior lecturer Dr Wee Lei Hum said unless the safety of vaping products could be definitively proven, there is no reason to even consider legalising them for those born after 2007.

"While evidence about the dangers of vaping is plentiful, there is next to no evidence that guarantees the safety of vaping over the years throughout the global scientific community.

"Giving people the right to possi-

bly harm themselves and others around them would then violate their own and others' right to a healthy body," she said.

"So unless a party can provide conclusive scientific proof of vaping's safety and health benefits, there is absolutely no reason to even take the risk of endangering an entire generation's health over insubstantial claims of vaping's harm reduction capabilities."

The Parliamentary Special Select Committee (PSSC) has recommended that several changes be made to the proposed GEG law, officially known as the Control of Tobacco Product and Smoking Bill 2022.

Among the changes are the removal of clauses to make it an offence for those born after Jan 1, 2007, to be in possession of cigarettes or related tobacco products

along with the power for authorities to enter private homes to enforce this law.

However, it would still be an offence for youths born after the date if they are caught smoking cigarettes or vaping.

Malaysian Pharmacists Society president Amrahi Buang said the amendments to the Bill would make enforcement more realistic, which would make it easier to pass in Parliament, adding that the Bill needs to be supported and passed quickly before Parliament is dissolved.

International Islamic University Malaysia's Department of Pharmacy Practice Assoc Prof Dr Mohamad Haniki Nik Mohamed said the lowered penalties and relaxed leniency would give smokers and industry plenty of time to move away from

smoking and vaping products.

He said unless there was strong evidence that supports the use of vape products as a way to prevent smoking addiction and reduce harm, there was no reason for MPs to question the Bill any longer.

Malaysian Green Lung Association president Ho Rhu Yann said while the proposed increased leniency of the Bill was not ideal for public health advocates like himself, he said he believes it is a vital step towards finally passing the law while protecting the rights and health of the people.

"Starting with a Bill that is reasonably acceptable to all stakeholders would be the big first step towards a smoke-free society while protecting the rights of all the victims of nicotine addiction.

"It is also important that as much

as possible is done during the leniency period to ensure the next generation is well educated on the dangers of smoking or vaping.

"Those who want to keep vaping as a legal harm reduction alternative to smoking have either failed to understand the concept of GEG in the first place or are twisting facts for their own agenda," he said.

Health Minister Khairy Jamaluddin had previously dismissed the need to keep vaping as a form of harm reduction with a clear message that it would contradict the purpose of the GEG Bill to create a non-smoking society.

Watch the video  
[TheStarTV.com](https://www.thestar.com.my)



## GEG Bill to be re-tabled today

### Among the major changes are that officers cannot enter private homes

By **MARTIN CARVALHO**  
newsdesk@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** The Special Parliamentary Select Committee has recommended several major changes to the generational end game Bill that is scheduled to be tabled in the Dewan Rakyat today.

These include the removal of clauses to make it an offence for those born after Jan 1, 2007, to be in possession of cigarettes or related tobacco products, along with the power for authorities to enter private homes to enforce this law.

However, it would still be an offence for youths born after the

period to be caught smoking cigarettes or vaping.

The Bill, formally known as the Control of Tobacco Products and Smoking Bill 2022, was initially tabled by Health Minister Khairy Jamaluddin in the Dewan Rakyat on July 27.

The Bill seeks to ban the use, possession and sale of cigarettes and vape products to those born after 2007.

However, no vote was taken on the Bill during the second reading on Aug 2 with a motion passed instead to refer the matter to a bipartisan Parliamentary Special Select Committee (PSSC).

This was done following resistance towards certain aspects of the proposed law from several quarters including MPs from both sides of the political divide.

The PSSC held a total of five meetings since Aug 19 and had called up MPs and experts in relevant fields to give their views on the matter.

As for the changes, the PSSC also recommended enforcement of the proposed law be deferred for a period of three years to allow for education and awareness programmes to be first put in place.

The PSSC agreed with the views that the initially proposed fine of

RM5,000 be reduced to RM500, and also recommended that a clause be inserted to include community service as a punishment for offenders.

The PSSC also agreed with the Attorney General's Chambers that those penalised under the Bill will not be subject to a criminal record or a non-registrability of a smoking offence.

The committee also agreed with legal experts that the Bill was not against the Federal Constitution with regard to the definition of one's right to exercise personal liberties.

On Tuesday, Khairy said that the

Bill will be tabled in Parliament today and could be passed by the Dewan Rakyat after the Budget 2023 debate.

However, the Health Minister said it was uncertain if the Bill would be tabled in Dewan Negara if Parliament was dissolved in the near future.

He noted that like other Bills that do not make it to the Dewan Negara before Parliament is dissolved, it has to be tabled again in the Dewan Rakyat by the new government.

The Dewan Rakyat meeting is scheduled to end on Nov 29 while the Dewan Negara will meet from Nov 21 to Dec 7.